



# KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

---

## SKIM PENSIJILAN AMALAN PERKILANGAN YANG BAIK (*GOOD MANUFACTURING PRACTICE - GMP*)

---



©Hak Cipta

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**1. PENGENALAN**

Amalan Pengilangan Yang Baik (*Good Manufacturing Practice -GMP*) merupakan satu sistem yang boleh digunakan bagi tujuan mengawal keadaan operasi dalam sesebuah premis makanan bagi membolehkan penghasilan makanan yang selamat. GMP juga dijadikan sebagai program asas (*prerequisite programme*) bagi pelaksanaan Hazard Analysis Critical Control Programme – HACCP di premis pengilangan makanan.

Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada semua pihak yang terlibat, mengenai prosedur permohonan pensijilan GMP daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Permohonan untuk mendapatkan pensijilan ini adalah kepada premis pemprosesan makanan dan perkhidmatan makanan. Pemohon hendaklah melaksana dan mengamalkan semua elemen-elemen GMP yang terkandung di dalam *Malaysian Standard MS1514 Good Manufacturing Practice (GMP)*. Proses pensijilan melibatkan audit kecukupan, pematuhan, pengawasan dan pembaharuan oleh juruaudit yang dilantik oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), KKM.

Tujuan skim pensijilan ini adalah untuk memberi pengiktirafan ke atas premis pemprosesan makanan dan perkhidmatan makanan yang melaksanakan GMP. Pengiktirafan ini akan meningkatkan keyakinan pengguna ke atas produk yang dikeluarkan dan membantu dalam meluaskan pasaran produk mereka ke peringkat antarabangsa dan juga bagi mematuhi perundangan dan standard semasa.

**2. OBJEKTIF**

Memberi panduan kepada pihak industri dan juga semua pihak lain yang terlibat termasuk kakitangan KKM sendiri mengenai skim pensijilan GMP yang disediakan oleh pihak KKM. Garispanduan ini membolehkan pengiktirafan diberikan kepada premis pemprosesan makanan dan perkhidmatan makanan yang telah berjaya melaksana dan mengamalkan semua syarat dan keperluan di bawah Skim Pensijilan GMP KKM.

### **3. SKOP**

Skim ini menerangkan keperluan bagi premis makanan yang menjalankan aktiviti penyediaan, pemprosesan, penghasilan, pembungkusan, penyimpanan, pengedaran dan penjualan makanan bagi mendapatkan pensijilan GMP.

### **4. DEFINISI**

Bagi tujuan skim ini, definisi berikut adalah terpakai:

#### **4.1 Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP)**

Satu sistem yang boleh digunapakai bagi mengawal keadaan operasi dalam sesebuah premis makanan bagi membolehkan penghasilan produk makanan yang selamat

#### **4.2 Premis Pemprosesan Makanan**

Premis pemprosesan makanan adalah premis yang menjalankan aktiviti pemprosesan yang meliputi proses kawalan penerimaan bahan mentah, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan dan/atau pengedaran makanan di Malaysia.

#### **4.3 Premis Perkhidmatan Makanan**

Premis perkhidmatan makanan adalah premis yang menyediakan apa juga jenis hidangan makanan untuk pengguna termasuklah dapur hospital, hotel, katering, mass katering, restoran dan kafeteria.

#### **4.4 Manual GMP**

Dokumen yang menjelaskan aktiviti pelaksanaan elemen GMP di dalam premis berkenaan.

#### **4.5 Implementasi Elemen GMP**

Pelaksanaan elemen GMP secara menyeluruh dan diselenggarakan secara berterusan dengan merujuk kepada Manual GMP.

**4.6 Juruaudit**

Individu yang berkebolehan secara teknikal di dalam elemen GMP dan audit, khususnya mengenai teknologi atau bidang pemprosesan makanan dan dilantik secara formal oleh KKM.

**4.7 Audit**

Penilaian berasaskan bukti, yang dilakukan secara bebas dan sistematik, dilakukan oleh juruaudit terlatih, bagi mengenalpasti samada elemen GMP dan keputusan yang berkaitan mematuhi perancangan yang disusun, dan sama ada ianya dilaksanakan secara efektif dan bersesuaian dalam mencapai objektif keselamatan makanan.

**4.8 Senarai semak**

Senarai yang mengandungi perkara/elemen yang diperlukan dan dijadikan panduan semasa penilaian. Digunakan sebagai *aide-memoire* untuk mewujudkan penilaian yang seragam.

**4.9 Pensijilan**

Prosedur di mana KKM sebagai badan yang bertanggungjawab memberi pengiktirafan formal secara bertulis kepada premis yang berjaya mematuhi keperluan Skim Pensijilan GMP KKM.

**4.10 Pematuhan**

Semua elemen GMP dilaksanakan secara efektif dan berterusan berdasarkan garis panduan, perundangan dan standard semasa.

**4.11 Kepatuhan**

Aktiviti yang dijalankan adalah mengikut prosedur yang ditetapkan di dalam Manual GMP dan dokumen sokongan.

**4.12 Ketidakpatuhan**

Aktiviti yang dijalankan tidak mematuhi atau mengikut prosedur yang ditetapkan di dalam Manual GMP dan dokumen sokongan.

**4.13 Kategori Ketidakpatuhan / *Non-Conformance* (NC)**

**4.13.1 Serious**

Penyimpangan daripada elemen GMP yang menjejaskan keselamatan makanan dan tidak mematuhi perundangan dan standard yang ditetapkan. Ketidakpatuhan serius membuktikan kegagalan dalam sistem keselamatan makanan dan menyebabkan kesan langsung kepada keselamatan makanan.

**4.13.2 Major**

Penyimpangan daripada elemen GMP yang boleh menjejaskan keselamatan makanan dan tidak mematuhi perundangan dan standard yang ditetapkan. Ketidakpatuhan major membuktikan terdapat risiko kegagalan dalam sistem jaminan keselamatan makanan tetapi tidak menjejaskan keseluruhan sistem keselamatan makanan dan keselamatan makanan.

**4.13.3 Minor**

Penyimpangan daripada elemen GMP yang tidak menjejaskan keselamatan makanan dan yang tidak mematuhi perundangan dan standard yang ditetapkan.

**4.13.4 Pemerhatian/Observation**

Cadangan yang diberikan untuk penambahbaikan kepada elemen GMP.

**4.14 Arahan Tindakan Pembedulan / *Corrective Action Request (CAR)***

Ketidakpatuhan yang didokumenkan oleh juruaudit dan memerlukan tindakan pembedulan yang memuaskan oleh pihak yang diaudit. Semua ketidakpatuhan (CAR) mestilah ditutup dalam tempoh masa yang telah ditetapkan sebelum pensijilan GMP diberikan.

**4.15 Audit Pematuhan**

Aktiviti untuk mendapatkan bukti bahawa elemen GMP telah dijalankan secara efektif dan berterusan termasuklah audit kecukupan (*adequacy*), audit lapangan (*on-site*) dan audit susulan (*follow-up*). Audit pematuhan dijalankan secara bebas, adil dan secara objektif bertujuan untuk memastikan segala keperluan Skim Pensijilan GMP dapat dipatuhi sepenuhnya.

#### **4.16 Audit Kecukupan**

Aktiviti pemeriksaan dokumen untuk menyemak kandungan Manual GMP dan dokumen sokongan bagi mengesahkan semua elemen GMP dipenuhi dan mencukupi berdasarkan garis panduan, perundangan dan standard semasa.

#### **4.17 Audit Lapangan**

Aktiviti pemeriksaan yang dijalankan di kawasan premis pihak yang diaudit bagi mengesahkan aktiviti yang dijalankan merujuk kepada manual GMP.

#### **4.18 Audit Susulan**

Aktiviti pemeriksaan yang boleh dijalankan sama ada melalui dokumen atau di lapangan untuk mendapatkan bukti atau keterangan bahawa ketidakakuran yang diberikan telah diambil tindakan pembetulan yang memuaskan dan elemen-elemen GMP dilaksanakan secara efektif dan berterusan.

#### **4.19 Audit Pengawasan (Surveilan)**

Aktiviti pemeriksaan yang dijalankan oleh juruaudit di premis yang telah memperolehi pensijilan GMP bagi mengesahkan elemen GMP dijalankan dilaksanakan secara efektif dan berterusan di premis tersebut.

#### **4.20 Audit pembaharuan**

Aktiviti pemeriksaan yang dijalankan oleh juruaudit di premis yang telah memperolehi pensijilan GMP bagi mengesahkan elemen GMP dilaksanakan secara efektif dan berterusan dipremis tersebut bagi tujuan pembaharuan pensijilan GMP.

### **5.0 KRITERIA PERMOHONAN**

Premis pemprosesan makanan/ perkhidmatan makanan yang memohon Skim Pensijilan GMP KKM perlu memenuhi kriteria berikut:

5.1 Berdaftar dengan KKM melalui <http://fosimdomestic.moh.gov.my>;

- 5.2 Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau agensi pendaftaran yang setara; kecuali bagi premis yang diselenggara kerajaan;
- 5.3 Mempunyai lesen atau kelulusan daripada kerajaan tempatan atau agensi kerajaan yang lain atau tanah persendirian yang sah; kecuali bagi premis diselenggara kerajaan;
- 5.4 Mempunyai Manual GMP dengan kandungan minimum seperti di Lampiran 1; dan
- 5.5 Program GMP telah dilaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum permohonan dihantar ke BKKM, KKM.

## 6.0 PERMOHONAN BARU

### 6.1 Proses Permohonan

- 6.1.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di <http://fosimdomestic.moh.gov.my>. Carta alir permohonan baru adalah seperti di Lampiran 2.
- 6.1.2 Premis hendaklah menghantar dua salinan manual GMP. Bayaran dimaklumkan secara atas talian selepas semakan dokumen lengkap. (Maklumat bayaran seperti di Lampiran 3)
- 6.1.3 Bayaran hendaklah dibuat atas nama **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA** melalui bank deraf, kiriman wang atau wang pos.
- 6.1.4 Permohonan yang diterima akan disemak dan pelantikan juruaudit bagi audit pematuhan akan dibuat setelah permohonan yang diterima lengkap. Manakala bagi permohonan yang tidak lengkap, permohonan akan dikembalikan semula kepada pemohon.
- 6.1.5 Jika pemohon gagal mengemukakan apa-apa maklumbalas dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh permohonan, permohonan akan terbatal dengan sendirinya dan pemohon perlu mengemukakan permohonan baru beserta dengan bayaran.

**6.2 Pengauditan**

- 6.2.1 KKM akan melantik sekurang-kurangnya dua orang juruaudit untuk menjalankan audit pematuhan dan memaklumkan kepada pemohon. Audit pematuhan merangkumi audit kecukupan, audit lapangan dan audit susulan.
- 6.3.2 Tarikh audit perlu dipersetujui bersama di antara Ketua Juruaudit dan pemohon. Kegagalan pemohon mempersetujui tarikh audit pematuhan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh penerimaan lantikan, akan menyebabkan permohonan terbatal dengan sendirinya.
- 6.3.3 Sekiranya terdapat ketidakpatuhan semasa audit dijalankan, arahan tindakan pembetulan (CAR) akan dikeluarkan. Pemohon perlu memberi maklumbalas dalam masa sepuluh (10) hari dari tarikh ketidakpatuhan dikeluarkan.
- 6.3.4 Audit susulan boleh dijalankan bagi mengesahkan semua ketidakpatuhan yang telah diambil tindakan. Sekiranya semasa audit susulan dijalankan terdapat ketidakpatuhan ditemui maka CAR baru boleh dikeluarkan dan prosedur penutupan CAR adalah sama.
- 6.3.5 Kegagalan pemohon mengambil tindakan pembetulan ke atas ketidakpatuhan dalam tempoh enam (6) bulan (maksimum sehingga satu (1) tahun) dari tarikh CAR dikeluarkan akan menyebabkan permohonan dibatalkan.
- 6.3.6 Laporan audit pematuhan akan dikemukakan oleh Ketua Juruaudit kepada Jawatankuasa Pensijilan GMP untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan GMP.
- 6.3.7 Jawatankuasa Pensijilan GMP akan bermesyuarat sebulan sekali atau lebih mengikut keperluan dan memutuskan status permohonan GMP pemohon.
- 6.3.8 Sijil GMP beserta surat iringan akan dikeluarkan kepada permohonan yang diluluskan. Permohonan yang tidak diluluskan akan dimaklumkan secara rasmi melalui surat kepada permohonan.



## 7.0 AUDIT PENGAWASAN

### 7.1 Pelaksanaan audit pengawasan

- 7.1.1 Premis yang telah mendapat pensijilan GMP perlu memastikan audit pengawasan dilaksanakan mengikut jadual audit pengawasan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) masing-masing.
- 7.1.2 JKN akan menghantar notis audit pengawasan kepada premis. Carta alir permohonan seperti di Lampiran 4.
- 7.1.3 Bayaran bagi audit pengawasan seperti di Lampiran 3 hendaklah dibuat atas nama **PENGARAH KESIHATAN NEGERI** melalui bank draf, kiriman wang atau wang pos.
- 7.1.4 Pelantikan juruaudit bagi audit pengawasan akan dibuat setelah bayaran diterima.
- 7.1.5 Audit pengawasan hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh pensijilan. Kegagalan menjalankan audit pengawasan boleh menyebabkan sijil GMP ditarik balik atau dibatalkan.

### 7.2 Pengauditan

- 7.2.1 JKN akan melantik juruaudit di negeri/daerah masing-masing untuk menjalankan audit pengawasan ke atas premis yang diiktiraf pensijilan GMP.
- 7.2.2 Tarikh audit perlu dipersetujui bersama diantara juruaudit dan premis. Kegagalan premis mempersetujui tarikh audit pengawasan dalam tempoh satu bulan, boleh menyebabkan pensijilan GMP ditarik balik.
- 7.2.3 Premis hendaklah memastikan terdapat operasi pemprosesan semasa audit pengawasan dilakukan, juruaudit boleh membatalkan audit pengawasan sekiranya tiada operasi dijalankan semasa audit pengawasan dijalankan. Premis perlu diaudit semula dan membuat bayaran yang baru.
- 7.2.4 Sekiranya terdapat ketidakpatuhan semasa audit dijalankan, CAR akan dikeluarkan. Premis perlu memberi maklumbalas dalam sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh ketidakpatuhan dikeluarkan,
- 7.2.5 Audit susulan boleh dijalankan bagi mengesahkan semua ketidakpatuhan telah diambil tindakan pembetulan oleh premis. Sekiranya semasa audit susulan dijalankan terdapat

ketidakpatuhan ditemui maka CAR baru boleh dikeluarkan dan prosedur penutupan CAR adalah sama.

- 7.2.6 Kegagalan premis mengambil tindakan pembetulan ke atas ketidakpatuhan dalam tempoh enam (6) bulan atau tempoh masa yang dipersetujui antara juruaudit dan pemohon dari tarikh CAR dikeluarkan boleh menyebabkan pensijilan GMP ditarik balik.
- 7.2.7 Laporan audit pengawasan akan dikemukakan oleh Ketua Juruaudit kepada Jawatankuasa Pensijilan GMP.
- 7.2.8 Jawatankuasa akan memutuskan sama ada pensijilan GMP boleh diteruskan atau tidak berdasarkan laporan audit pengawasan yang diterima.
- 7.2.9 Surat makluman keputusan mesyuarat jawatan akan dikeluarkan kepada premis, sekiranya perlu.

## **8. PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENSIJILAN**

### 8.1 Proses Permohonan pembaharuan sijil GPM

- 8.1.1 Pensijilan GMP perlu diperbaharui dalam tempoh **3 tahun sekali**. Premis perlu mengemukakan permohonan pembaharuan melalui <http://fosimdomestic.moh.gov.my> sekurang-kurangnya **6 bulan** sebelum tamat tempoh sijil. Carta alir permohonan seperti di Lampiran 5.
- 8.1.2 Bayaran bagi permohonan pembaharuan seperti di Lampiran 3 hendaklah dibuat atas nama **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA** melalui bank draf, Kiriman wang atau wang pos. Premis hendaklah menghantar pembayaran dalam tempoh satu (1) bulan selepas membuat permohonan secara atas talian.
- 8.1.3 Pelantikan juruaudit bagi audit pembaharuan akan dibuat jika permohonan telah lengkap. Manakala bagi permohonan yang tidak lengkap permohonan akan dikembalikan semula kepada premis.
- 8.1.4 Semua permohonan pembaharuan yang dikemukakan setelah tarikh pensijilan tamat tidak akan di proses. Proses permohonan dan jumlah bayaran adalah merujuk kepada Permohonan Baru GMP sekiranya ingin meneruskan pensijilan bersama BKKM, KKM.

## 8.2 Pengauditan

- 8.2.1 KKM akan melantik sekurang-kurangnya dua orang juruaudit untuk menjalankan audit pembaharuan ke atas premis GMP yang diiktiraf.
- 8.2.2 Tarikh audit perlu dipersetujui bersama di antara juruaudit dan premis dalam tempoh satu bulan dari tarikh lantikan juruaudit dijalankan.
- 8.2.3 Sekiranya terdapat ketidakpatuhan semasa audit dijalankan, CAR akan dikeluarkan. Premis perlu memberi maklumbalas dalam masa sepuluh (10) hari dari tarikh ketidakpatuhan dikeluarkan.
- 8.2.4 Audit susulan boleh dijalankan bagi mengesahkan semua ketidakpatuhan telah diambil tindakan oleh premis. Sekiranya semasa audit susulan dijalankan terdapat ketidakpatuhan ditemui maka CAR baru boleh dikeluarkan dan prosedur penutupan CAR adalah sama.
- 8.2.5 Kegagalan premis mengambil tindakan pembetulan ke atas ketidakpatuhan akan menyebabkan pensijilan GMP tidak akan diperbaharui.
- 8.2.6 Laporan audit akan dikemukakan oleh Ketua Juruaudit kepada Jawatan Kuasa Pensijilan GMP untuk dipertimbangkan.
- 8.2.7 Jawatankuasa Pensijilan GMP akan bermesyuarat sebulan sekali atau lebih mengikut keperluan dan memutuskan status permohonan pembaharuan GMP premis.
- 8.2.8 Sijil GMP beserta surat iringan akan dikeluarkan kepada permohonan pembaharuan yang diluluskan. Permohonan yang tidak diluluskan akan dimaklumkan secara rasmi melalui surat kepada permohonan.

## **9.0 PROSES PENILAIAN PERMOHONAN**

- 9.1 Jawatankuasa Pensijilan GMP yang dipengerusikan oleh Pengarah Kanan atau wakilnya, bertanggungjawab untuk menilai laporan pengauditan bagi setiap permohonan.
- 9.2 Jawatankuasa Pensijilan GMP akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan atau mengikut keperluan.

## **10.0 TEMPOH SAHLAKU**

Tempoh sahlaku pensijilan GMP adalah **tiga (3) tahun** daripada tarikh kelulusan pensijilan GMP.

## **11.0 PEMBATALAN PENSIJILAN GMP**

Sijil GMP yang dikeluarkan boleh terbatal sah-laku dalam keadaan berikut;

- 11.1 Premis didapati tidak beroperasi selama enam bulan atau lebih secara berterusan atau operasi premis telah ditutup
- 11.2 Premis telah berpindah ke lokasi baru
- 11.3 Pemohon gagal mematuhi apa-apa syarat dan keperluan yang telah ditetapkan di bawah Skim Pensijilan GMP KKM.
- 11.4 Berlaku kekeliruan atau penyalahgunaan logo GMP KKM pada produk atau iklan atau mana-mana bahan bercetak.
- 11.5 Pemohon gagal mematuhi perundangan dan peraturan maknan yang berkaitan yang dikuatkuasakan di Malaysia dan/atau perundangan oleh negara pengeksporth.

## **12. RAYUAN**

Pihak pemohon boleh mengemukakan rayuan kepada Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh pembatalan atau penarikan sijil GMP.

## **13. FAEDAH SKIM PENSIJILAN GMP**

- 13.1 Meningkatkan taraf industri makanan terutama industri kecil dan sederhana supaya mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa melalui pengiktirafan yang diberikan.
- 13.2 Memudahkan industri makanan mendapat pengiktirafan dalam berurusan dengan agensi kewangan dalam urusan insentif atau bantuan kewangan.

- 13.3 Memastikan industri makanan mematuhi perundangan dan standard diperingkat domestik dan luar negara.
- 13.4 Meningkatkan pasaran dan keyakinan pengguna terhadap produk melalui penggunaan logo GMP pada label produk makanan di bawah skop Skim Pensijilan GMP KKM.
- 13.5 Meningkatkan kredibiliti dan imej industri makanan.
- 13.6 Memberi kemudahan dalam mendapatkan Sijil Penjualan Bebas dalam tempoh satu hari tanpa dokumen sokongan.
- 13.7 Mendapatkan pensijilan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) secara *fast track*.
- 13.8 Telah mencapai pra-syarat Skim Pensijilan Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) KKM.

#### **14. PERTANYAAN**

Maklumat lanjut berkaitan skim pensijilan boleh di muat turun secara atas talian atau boleh didapati daripada:

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 4, Menara Prisma, Presint 3  
No 26, Jalan Persiaran Perdana  
Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

No Telefon: 03-8885 0797  
No Faks : 03-8885 0798  
Website :<http://fsq.moh.gov.my>

## **15. RUJUKAN**


- 15.1 *Codex Basic Food Hygiene Texts/Annex to CAC/RCP 1-1969, Rev.3*
- 15.2 *.Codex Alimentarius (1997).*
- 15.3 *Food Act 1983 and Food Regulations 1985, Malaysia.*
- 15.4 *Guidance on Regulatory Assessment of HACCP* Report of a Joint FAO/WHO Consultation on the Role of Government Agencies in
- 15.5 *Assessing HACCP, Geneva (1998).*
- 15.6 *Laboratory Accreditation Scheme of Malaysia.* Department of Standards Malaysia.
- 15.7 *Malaysian Standard MS 1480:2019.Food Safety According to Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) System.* Department of Standards Malaysia. (1999).
- 15.8 *Guidelines on Good Hygiene Practice for Small and Medium Scale Food*
- 15.9 *Industries Towards HACCP (2002).*

**A. KANDUNGAN MINIMA MANUAL GMP**

1. Profil syarikat dan polisi keselamatan makanan
  - 1.1 Profil syarikat
  - 1.2 Polisi pengurusan keselamatan makanan
  - 1.3 Objektif keselamatan makanan
  - 1.4 Carta organisasi
  - 1.5 Carta ahli GMP dan latar belakang ahli GMP (nama, kelulusan akademik, pengalaman kerja, jawatan dan senarai latihan); Ketua dan/atau ahli GMP perlu mempunyai latihan secara formal berkaitan GMP
  - 1.6 Pelan lokasi- pelan kedudukan kemudahan (lampu, penghawa dingin, kipas, ekzos dll), kedudukan peralatan, aliran keluar dan masuk pekerja, aliran bahan mentah, produk akhir, aliran bahan buangan, serta pemprosesan dan kedudukan kemudahan sanitasi dan tandas serta kedudukan kawalan makhluk perosak.
  
2. Manual GMP perlu mengandungi beberapa perkara berikut:
  - 2.1 Penjelasan setiap elemen GMP
  - 2.2 Program pengawalan dan pemantauan dari aspek keselamatan dan kebersihan makanan di setiap elemen
  - 2.3 Dokumen sokongan seperti jadual pembersihan, Standard Sanitation Operation Procedure (SSOP), prosedur/program kawalan dan penyelenggaraan, rekod


LAMPIRAN 2

CARTA ALIR PERMOHONAN BARU GMP





# CARTA ALIR PERMOHONAN BARU GMP




Jadual 1: Fi Pensijilan GMP

Perkara	Industri Besar	Industri Kecil dan Sederhana	Mikro-Enterprise
Permohonan baru	4700.00	3500.00	2300.00
Pembaharuan	3500.00	2600.00	1800.00
Audit Pengawasan	1600.00*	1600.00*	1600.00*


### Definisi Jenis Industri

1. Industri Besar
  - i) Mempunyai lebih dari 150 orang pekerja tetap ii) Pulangan Jualan Tahunan melebihi daripada RM25juta
  
2. Enterprises Kecil dan Sederhana
  - Mempunyai bilangan pekerja tetap antara 5 hingga 150 orang
  - i) Pulangan Jualan Tahunan antara RM250,000 hingga RM25juta
  
3. Mikro-enterprise
  - i) Mempunyai bilangan pekerja tetap kurang daripada 5 orang
  - ii) Pulangan Jualan Tahunan kurang daripada RM 250,000


**CARTA ALIR AUDIT PENGAWASAN GMP**



**CARTA ALIR AUDIT PENGAWASAN GMP**



**CARTA ALIR PEMBAHARUAN GMP**



**CARTA ALIR PEMBAHARUAN GMP**

